

HUBUNGAN ANTARA DIMENSI-DIMENSI IKLIM SEKOLAH DENGAN PRESTASI GURU SEKOLAH RENDAH DI NEGERI SELANGOR

NUR SYAIMA BINTI SALLEH

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2020

HUBUNGAN ANTARA DIMENSI-DIMENSI IKLIM SEKOLAH DENGAN
PRESTASI GURU SEKOLAH RENDAH DI NEGERI SELANGOR

NUR SYAIMA BINTI SALLEH

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



Sila Taipkan (✓):

Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan Dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 11 (hari bulan) OGOS (bulan) 2020.

i. Perakuan pelajar :

Saya, NUR SYAIMA BINTI SALLEH, M20161000247, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk HUBUNGAN ANTARA DIMENSI-DIMENSI IKLIM SEKOLAH DENGAN PRESTASI GURU SEKOLAH RENDAH DI NEGERI SELANGOR adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, NURULHUDA BINTI MD HASSAN dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk HUBUNGAN ANTARA DIMENSI-DIMENSI IKLIM SEKOLAH DENGAN PRESTASI GURU SEKOLAH RENDAH DI NEGERI SELANGOR dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi "[sebahagian=>mod B & C/sepenuhnya=>PhD & mod A]" syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PSIKOLOGI PENDIDIKAN.

11/08/2020

Tarikh

Tandatangan Penyelia

DR. NURULHUDA MD HASSAN
Senior Lecturer
Department of Educational Studies
Faculty of Human Development
Sultan Idris Education University



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: HUBUNGAN ANTARA PIMENSI - DIMENSI IKLIM SEKOLAH
PENGAN PRESTASI GURU SEKOLAH RENDAH DI NEGERI
SELANGOR

No. Matrik / Matric's No.: M20161000247

Saya / I: NUR SYALMA BINTI SALLEH

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 11 OGOS 2020

DR. NURULHUDA MD HASSAN
Senior Lecturer
Department of Educational Studies
Faculty of Human Development
Sultan Idris Education University

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah s.w.t atas nikmat iman, kesihatan, ketabahan dan kesabaran yang dikurniakanNya dalam menempuhi rintangan, halangan dan dugaan sepanjang proses menyiapkan disertasi ini. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia yang amat saya sanjungi, Dr. Nurulhuda Md Hassan atas tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, dan dorongan berterusan yang diberikan sepanjang disertasi ini dijalankan.

Penghargaan juga diberikan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia terutamanya Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD) juga Jabatan Pendidikan Negeri Selangor atas sokongan menjalankan kajian ini. Tidak dilupakan barisan para pentadbir dan rakan-rakan sekerja yang sangat memahami ketika menjalankan kajian ini. Terima kasih warga Sekolah Kebangsaan Pelabuhan Utara yang telah memberi inspirasi dalam pemilihan skop kajian ini. Terima kasih warga Sekolah Kebangsaan Rantau Panjang atas bantuan sepanjang ketiadaan saya semasa bertugas.

Seterusnya, penghargaan kepada kedua orang tua saya, ayahanda Tn. Hj Salleh Saad dan bonda Hjh Wan Rusnani Wan Abdullah yang sentiasa mendoakan saya, yang banyak memberi kata-kata semangat dan peringatan dalam meneruskan perjuangan yang mencabar ini. Terima kasih kerana sangat memahami dan sentiasa di sisi saya walau dalam apa situasi sekali pun. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada ahli keluarga, along, angah, acik, abang, adik dan ipar-duai yang telah banyak membantu saya secara tidak langsung dalam perjalanan menyempurnakan penulisan disertasi ini. Sesungguhnya segala doa yang diberikan dan kebaikan yang dihulurkan amat saya hargai dan akan diingati sepanjang hayat.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada rakan seperjuangan yang banyak memberi kata-kata semangat di saat hampir putus asa. Sahabat yang banyak memberi tunjuk ajar dan tidak jemu untuk menyejutkan diri ini di saat lalai dan sahabat yang telah menjadi penggalak serta perangsang dalam menyiapkan kajian ini. Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada guru-guru yang terlibat dalam proses pengumpulan data kajian ini. Semoga Malaysia menjadi sebuah negara penyelidikan yang dibanggakan.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara dimensi-dimensi iklim sekolah yang terdiri daripada kolaborasi, hubungan murid, sumber kelengkapan sekolah, membuat keputusan dan inovasi pengajaran dengan prestasi guru sekolah rendah di negeri Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan. Dimensi-dimensi iklim sekolah yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan Model Skala Persekitaran Tempat Kerja oleh Rudolf Moos. Seramai 381 guru sekolah rendah dipilih secara rawak berstrata daripada 34,784 orang populasi guru sekolah rendah di Selangor berdasarkan jadual saiz sampel Krejcie dan Morgan. Strata kajian berdasarkan lokasi sekolah mengikut daerah. Instrumen kajian terdiri daripada satu set soal selidik *School Level Environment Questionnaire* (SLEQ) yang diadaptasi daripada Johnson, Stevens dan Zvoch. Markah prestasi guru pula diukur melalui markah Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP). Dapatan kajian menunjukkan responden bersetuju bahawa mereka menjalankan kolaborasi ($M = 4.00$; $SP = 0.64$), mempunyai hubungan yang baik dengan murid ($M = 3.73$; $SP = 0.66$), dan mengaplikasi inovasi pengajaran ($M = 3.77$, $SP = 0.60$). Responden agak bersetuju terhadap sumber kelengkapan sekolah yang mencukupi ($M = 3.23$, $SP = 0.81$) dan berperanan dalam buat keputusan ($M = 3.34$, $SP = 0.89$). Secara umumnya, purata markah prestasi guru yang terlibat dalam kajian ini adalah cemerlang ($M = 91.37$; $SP = 5.22$). Dalam konteks regresi pula, didapati pengaruh yang paling kuat terhadap prestasi guru adalah dimensi membuat keputusan ($\beta = 0.34$; $p < 0.05$), manakala regresi yang paling lemah adalah dimensi inovasi pengajaran ($\beta = -0.28$; $p > 0.05$). Faktor-faktor lain seperti kolaborasi, hubungan murid, sumber kelengkapan sekolah, dan inovasi pengajaran tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap prestasi guru. Kajian ini turut menunjukkan iklim sekolah hanya menyumbang sebanyak 2% ($R^2 = 0.02$) terhadap prestasi guru sekolah rendah negeri Selangor. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa dimensi iklim sekolah terutamanya daripada aspek sumber kelengkapan sekolah di negeri Selangor masih belum mencapai tahap yang memuaskan walaupun prestasi guru sekolah rendah adalah sangat baik. Dapatan kajian ini memberi implikasi bahawa pihak sekolah perlu memfokus kepada sumber dan kelengkapan sekolah serta memberi lebih banyak peluang kepada guru untuk membuat keputusan dalam aspek yang kritikal untuk menambahbaik iklim sekolah.

RELATIONSHIP BETWEEN SCHOOL CLIMATE DIMENSIONS AND PRIMARY SCHOOL TEACHERS' JOB PERFORMANCE

ABSTRACT

This study was aimed to determine the relationship between school climate dimensions that consisted of collaboration, student relationships, sources of school supplies, decision-making and teaching innovation towards primary school teachers' performance in the state of Selangor. This study used survey method. The dimensions of the school climate involved in this study were based on the Work Environment Scale Model by Rudolf Moos. A total of 381 primary school teachers in Selangor were randomly selected using stratified random sampling technique from the total 34784 primary school teachers' population in Selangor, based on the sampling size table of Krejcie and Morgan. The strata for the study were based on school location by district. The research instrument consisted of School Level Environment Questionnaire (SLEQ) adapted from Johnson, Stevens and Zvoch. The teachers' performance scores were measured through the Integrated Assessment for Education Service Officers (PBPPP). The findings of the study showed that the respondents agreed that they have collaborated ($M=4.00$; $SD=0.64$), have good student relationships ($M=3.73$; $SD=0.66$), and applied innovation in teaching ($M=3.77$, $SD=0.60$). The respondents barely agreed that sources of school supplies were adequate ($M=3.23$; $SD=0.81$) and played a role in decision- making ($M=3.34$; $SD=0.89$). In general, the average score of teachers' performance who participated in this study was excellent ($M=91.37$, $SD=5.22$). In the context of regression, it was found that the strongest influence to teacher's performance was decision- making dimension ($\beta=0.34$, $p<0.05$), while the weakest influence was the teaching innovation dimension ($\beta= -0.28$, $p>0.050$). Other factors such as collaboration, student relationships, sources of school supplies and teaching innovation did not have a significant impact on the teachers' performance. This study also revealed that the school climate contributed only 2% ($R^2= 0.02$) to the performance of Selangor primary school teachers. In conclusion, this study showed that school climate dimensions in primary schools in Selangor have not yet attained a satisfactory level particularly in the area of school supplies, although the performance of primary school teachers are very good. The findings of this study implicates that the members of school's community have to focus on sources of school supplies as well as to provide more opportunities for teachers to make decisions in critical aspects to improve the school climate.

**KANDUNGAN**

	Muka surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Penyataan Masalah	8
1.4 Tujuan Kajian	12
1.5 Objektif Kajian	12
1.6 Persoalan Kajian	13
1.7 Hipotesis Kajian	14



1.8	Kerangka Konseptual Kajian	15
1.9	Kepentingan Kajian	17
1.9.1	Kepentingan kepada Guru	17
1.9.2	Kepentingan kepada Pihak Pengurusan Sekolah	17
1.9.3	Kepentingan kepada PPD dan JPN	18
1.9.4	Kepentingan kepada KPM	19
1.9.5	Kepentingan Pihak Lain	19
1.10	Batasan Kajian	20
1.11	Definisi Operasional	22
1.11.1	Iklm Sekolah	23
1.11.1.1	Kolaborasi	23
1.11.1.2	Hubungan Murid	24
1.11.1.3	Sumber Kelengkapan Sekolah	24
1.11.1.4	Membuat Keputusan	24
1.11.1.5	Inovasi Pengajaran	25
1.11.2	Guru	25
1.11.3	Prestasi Guru	27
1.12	Rumusan	27

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	28
2.2	Kerangka Teori	29
2.2.1	Teori Ekologi Bronfenbrenner	29
2.2.2	Teori Ekuiti Adam	31
2.3	Konsep Iklim Sekolah	33

2.3.1	Kolaborasi	35
2.3.2	Hubungan Murid	35
2.3.3	Sumber Kelengkapan Sekolah	36
2.3.4	Membuat Keputusan	37
2.3.5	Inovasi Pengajaran	38
2.4	Konsep Prestasi Guru	39
2.5	Kajian-Kajian Lepas	43
2.5.1	Kajian-kajian Lepas Iklim Sekolah terhadap Prestasi Guru	43
2.5.2	Kajian-Kajian Lepas Dimensi Iklim Sekolah	47
2.5.3	Rumusan Kajian-Kajian Lepas	54
2.6	Rumusan	54

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	56
3.2	Reka Bentuk Kajian	57
3.3	Lokasi Kajian	58
3.4	Populasi dan Sampel	59
3.5	Instrumen	61
3.5.1	Demografi	61
3.5.2	Iklim sekolah	63
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan	66
3.6.1	Kesahan	66

3.6.2 Kebolehpercayaan	70
3.7 Kajian Rintis	71
3.8 Prosedur Pengumpulan Data	72
3.9 Teknik Analisis Data	74
3.9.1 Statistik Deskriptif	74
3.9.2 Statistik Inferensi	76
3.10 Rumusan	80

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	81
4.2 Analisis Demografi Responden Kajian	82
4.3 Analisis Deskriptif	85
4.3.1 Tahap Iklim Sekolah Rendah	85
4.3.2 Tahap Prestasi Guru	87
4.4 Hubungan antara Dimensi-Dimensi Iklim Sekolah dengan Prestasi Guru	87
4.4.1 Hubungan antara Dimensi Kolaborasi dengan Prestasi Guru	90
4.4.2 Hubungan antara Dimensi Hubungan Murid dengan Prestasi Guru	90
4.4.3 Hubungan antara Dimensi Sumber Kelengkapan Sekolah dengan Prestasi Guru	91
4.4.4 Hubungan antara Dimensi Membuat Keputusan dengan Prestasi Guru	91
4.4.5 Hubungan antara Dimensi Inovasi Pengajaran dengan Prestasi Guru	92

4.5	Sumbangan Iklim Sekolah terhadap Prestasi Guru Sekolah Rendah	93
-----	---	----

4.6	Rumusan	94
-----	---------	----

BAB 5 PERBINCANGAN KAJIAN

5.1	Pengenalan	95
-----	------------	----

5.2	Ringkasan Kajian	96
-----	------------------	----

5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	97
-----	-----------------------------	----

5.3.1	Tahap Iklim Sekolah	97
-------	---------------------	----

5.3.2	Tahap Prestasi Guru	101
-------	---------------------	-----

5.3.3	Hubungan Iklim Sekolah dengan Prestasi Guru	102
-------	---	-----

5.3.3.1	Hubungan antara Dimensi Kolaborasi dengan Prestasi Guru	103
---------	---	-----

5.3.3.2	Hubungan antara Dimensi Hubungan Murid dengan Prestasi Guru	104
---------	---	-----

5.3.3.3	Hubungan antara Dimensi Sumber Kelengkapan Sekolah dengan Prestasi Guru	105
---------	---	-----

5.3.3.4	Hubungan antara Dimensi Membuat Keputusan dengan Prestasi Guru	106
---------	--	-----

5.3.3.5	Hubungan antara Dimensi Inovasi Pengajaran dengan Prestasi Guru	108
---------	---	-----

5.3.3.6	Rumusan Dapatan	109
---------	-----------------	-----

5.3.4	Sumbangan Iklim Sekolah terhadap Prestasi Guru	110
-------	--	-----

5.4	Implikasi Kajian	111
-----	------------------	-----

5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	115
-----	--------------------------	-----

5.6	Rumusan	118
-----	---------	-----

RUJUKAN		119
----------------	--	-----

LAMPIRAN		130
-----------------	--	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Bilangan Guru Sekolah Rendah Mengikut Daerah di Negeri Selangor	60
3.2	Jadual Interpretasi Markah Prestasi Guru	62
3.3	Contoh Item Iklim Sekolah	65
3.4	Nilai Kesahan Keseluruhan dan Dimensi SLEQ (n=10)	68
3.5	Nilai Alfa Cronbach Kajian Rintis	72
3.6	Jadual Interpretasi Skor Min	75
3.7	Kekuatan Hubungan Pembolehubah	75
3.8	Interpretasi Markah Prestasi Guru	76
3.9	Jadual Teknik Analisis Mengikut Persoalan Kajian	79
4.1	Ciri-Ciri Demografi Responden	83
4.2	Tahap Iklim Sekolah	86
4.3	Regresi Ordinal Logistik	89
4.4	Keputusan Hipotesis Kajian	92

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	15

SENARAI SINGKATAN

PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
PDPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PBPPP	Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PIPPK	Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan
PPP	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
SGM	Standard Guru Malaysia
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kemneterian Pendidikan Malaysia
LADAP	Latihan dalam Perkhidmatan
PP	Pegawai Penilai
PYD	Pegawai Yang Dinilai
EPRD	<i>Education Planning and Research Division</i>
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan

SENARAI LAMPIRAN

- A Jadual Saiz Sampel Krecjie dan Morgan
- B Soal Selidik Kajian
- C Surat Permohonan Pakar (Kesahan Bahasa)
- D Surat Permohonan Pakar (Kesahan Kandungan)
- E Nilai Koefisien Penilaian Pakar Bahasa
- F Nilai Koefisien Penilaian Pakar Kandungan
- G Surat Kebenaran EPRD
- H Surat Kebenaran JPN Selangor
- I Analisis Data SPSS (Analisis Tahap Iklim Sekolah)
- J Analisis Data SPSS (Analisis Tahap Prestasi Guru)
- K Analisis Data SPSS (Analisis Data Regresi)

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kualiti hidup seseorang ditentukan oleh pendidikan yang diterima berdasarkan perkara yang dilihat dan difahaminya (Najeemah Md. Yusof, 2006). Pendidikan adalah aktiviti perkembangan dan penyuburan pemikiran serta kuasa-kuasa semula jadi melalui pembelajaran yang telah dirancang meliputi pembelajaran formal dan bukan formal. Oleh itu, kualiti pendidikan perlu diutamakan di sesebuah negara bagi membentuk masyarakat yang berkualiti.

Produktiviti sumber merupakan keutamaan dalam dasar PPPM 2013-2025 dan merupakan perkara paling penting yang perlu diambil kira untuk mencapai matlamat ini. Dengan ini, pengagihan sumber yang dapat memberi impak yang besar kepada peningkatan sistem pendidikan dapat diwujudkan (Mohamad Adnan Mohamad Kasim,

Siti Noor Ismail, Suhaila Mohammad, & Hasliza Ibrahim, 2016). Bagi membetulkan keadaan ini, strategi untuk meningkatkan kualiti guru hendaklah diutamakan (Abdul Rahman Idris, Hussein Haji Ahmad, Sufean Hussin, Ghavifekr, & Mohammed Sani Ibrahim, 2014) kerana guru merupakan elemen terpenting dalam menghasilkan sistem pendidikan yang berkualiti (Yusni Zaini Yusof, Rosna Awang Hashim, & Tengku Faekah Tengku Ariffin, 2015).

Guru menjadi tunjang kepada sistem pendidikan kerana gurulah yang akan melaksanakan dasar dan matlamat kurikulum yang telah digariskan oleh pihak kerajaan (Sipon, 2010). Menurut laporan PPPM 2013-2025, asas untuk meningkatkan kualiti guru Malaysia setanding dengan guru di negara maju telah ditetapkan sejak Gelombang 1 pelaksanaan PPPM dan diteruskan dalam Gelombang 2. Berdasarkan 11 anjakan yang dirangka dalam PPPM 2013-2025, peningkatan kualiti guru adalah melalui anjakan yang keempat iaitu Mentransformasikan Profesion Keguruan Menjadi Profesion Pilihan. Oleh itu, pihak kerajaan akan membantu membentuk profesion ini ke arah kualiti pekerjaan yang dihasratkan dalam membentuk sistem pendidikan berkualiti.

Walau bagaimanapun, usaha ini bukanlah suatu usaha yang mudah. Warga pendidik perlu keluar daripada zon selesa dan rutin cara kerja yang biasa kepada yang luar biasa untuk mewujudkan ekosistem pembelajaran dalam komuniti (Hayati Ismail, 2017). Pembelajaran kreatif dan inovatif haruslah diketengahkan dalam pembelajaran abad ke-21 atau lebih dikenali sebagai pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) untuk menarik minat dan perhatian murid. Standard 4 dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 menekankan PdPc yang berkesan untuk mengembangkan



potensi murid secara menyeluruh. Prestasi pada tahap optimum secara berterusan perlu dilaksanakan bagi membentuk pembelajaran yang kreatif.

Aspek pemeraksanaan kualiti guru telah dilaksanakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) Gelombang 1. Pada peringkat ini, pihak kerajaan telah mengubah persepsi masyarakat mengenai profesion keguruan daripada profesion pilihan terakhir kepada profesion yang menjadi pilihan utama (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Hal ini jelas dengan peningkatan permohonan kemasukan ke kampus Institut Pendidikan Guru (IPG).

Gelombang Kedua di bawah Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) mengkehendaki semua Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) di bawah seliaan Kementerian dibantu untuk merancang kerjaya dan pembangunan profesionalisme mereka. PIPPK merupakan dokumen yang menjadi panduan laluan kerjaya PPP untuk membina kompetensi mereka berdasarkan aptitud dan kebolehan, seterusnya mendorong kepada prestasi tinggi yang menepati trend semasa dan akan datang.

Guru yang berkualiti bukan sahaja berperanan sebagai pemimpin, tetapi juga harus bijak sebagai pengkaji, bijak berperanan sebagai guru yang merancang, mengawal, membimbing, mendorong dan menilai di dalam kelas bagi pembelajaran formal, dan di luar kelas bagi pembelajaran tidak formal. Iklim sekolah yang positif memberi keseronokan kepada guru-guru bekerja (Mohd Saifulkhair Omar, Mohd Faizul Mohd Noor & Mohd Isha Awang, 2016) sekali gus memberikan keselesaan kepada para guru melaksanakan tugas mereka secara lebih kreatif, menarik dan efektif.



Justeru, penting untuk sesebuah sekolah menyediakan iklim sekolah yang positif, kondusif dan memberangsangkan bagi memberikan peluang guru-guru menjalankan tugas dengan lebih baik dan berkesan. Guru yang berkualiti dapat dilihat dari pelbagai aspek (Aman & Shukor, 2015; Abd Hair Awang, Izzurazlia Ibrahim, Mohd Yusof Hussain, Zaimah Ramli, & Novel Lyndon, 2013) antaranya diterjemahkan dari markah prestasi tahunan yang diperoleh mereka setiap tahun. Markah prestasi guru berdasarkan Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) ini adalah suatu penilaian yang bersifat holistik dalam menilai kualiti dan prestasi tahunan guru. Instrumen PBPPP ini selaras dengan PPPM 2013-2025.

1.2 Latar Belakang Kajian

Situasi di sekolah yang tidak kondusif serta tidak memotivasikan guru menyebabkan ramai dalam kalangan guru menunjukkan prestasi kerja yang tidak menggalakkan (Lopez, 2010). Prestasi guru mempamerkan tahap kualiti seseorang guru yang merupakan penanda bagi tahap pendidikan di negara. Kualiti sistem pendidikan bergantung kepada kualiti seseorang guru (Siti Noor Ismail, 2014). Iklim sekolah dilihat sangat penting dalam membentuk dan meningkatkan motivasi warga sekolah dalam menjalankan sesuatu tugas. Hal ini selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia yang menginginkan kewujudan suasana sekolah yang kondusif dan harmoni (Hayati Ismail, 2019).

Iklim sekolah adalah nadi pada persekitaran sekolah. Kajian empirikal secara konsisten menyatakan bahawa iklim sekolah yang positif berkait dengan keberkesanan keseluruhan persekitaran sekolah manakala iklim yang negatif dikesan memberi impak

negatif kepada tingkah laku dan pencapaian (O'Malley, Voight, Renshaw & Eklund, 2015; Bradshaw, Waasdorp, Debnam & Johnson, 2014; Konold et al., 2014).

Prestasi yang cemerlang berlaku apabila sesebuah kumpulan mempunyai norma prestasi yang tinggi. Sebaliknya, sekiranya kumpulan tersebut mempunyai norma prestasi yang rendah, ia akan mempunyai prestasi yang lemah. Namun, mereka tidak begitu produktif sekiranya mereka menjalin hubungan yang erat. Walaupun kumpulan yang tidak erat dengan norma prestasi rendah akan menghasilkan prestasi kerja yang lemah, namun prestasi kumpulan tidaklah lemah berbanding kumpulan yang tidak erat tetapi dengan norma prestasi yang tinggi (Zafir Mohd Makhbul et. al, 2013). Maka, hal ini membuktikan bahawa iklim sekolah yang berkisar tentang suasana kerja guru memainkan peranan dalam meningkatkan prestasi. Hubungan yang erat dapat menghasilkan suatu hasil kerja yang baik hasil kolaborasi, pembekalan sumber yang mencukupi, dan peranan guru sebagai pemimpin. Selain itu, sikap guru juga memainkan peranan penting dalam melaksanakan tanggungjawab seperti kaedah pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) mengikut peredaran semasa dan keprihatinan terhadap pelanggan iaitu murid-murid.

New Zealand Education (NZEI 2004) dalam Rohani Arbaa, Hazri Jamil, dan Nordin Abd Razak (2010) menyatakan bekerja secara kolaboratif dengan guru lain dalam komuniti pembelajaran profesional merupakan profil guru berkualiti. Ini disokong oleh Sipon (2010) yang menyatakan bahawa perhubungan yang sukar dengan rakan sekerja dan pihak pentadbir di tempat kerja menjadi punca tekanan seterusnya kemerosotan prestasi kerja guru.

Justeru, kajian ini wajar dijalankan untuk mengisi jurang kajian lepas dengan melihat hubungan antara dimensi-dimensi iklim sekolah terhadap prestasi guru. Prestasi guru menunjukkan kredibiliti seseorang guru bukan sahaja dilihat dari persepsi guru itu sendiri, tetapi juga diukur dari perspektif pentadbir dan jawatankuasa penilai. Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan terhadap pihak-pihak pendidikan dan pihak berkepentingan dalam meningkatkan mutu sistem pendidikan negara sejajar dengan konsep naratif baharu pendidikan negara yang menggalakkan iklim sekolah yang kondusif agar dapat meningkatkan kredibiliti guru.

PIPPK merupakan suatu rujukan untuk guru merancang dan melaksanakan aktiviti pembangunan dan pemantapan perkhidmatan untuk memastikan kualiti perkhidmatan ditingkatkan dan dikekalkan sepanjang perkhidmatan mereka (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Peningkatan prestasi guru ini dipercayai dapat menyumbang kepada peningkatan keberhasilan murid serta sistem pendidikan negara. Namun, kebelakangan ini profesionalisme guru dipertikaikan disebabkan oleh pelanggaran etika yang dilakukan oleh sekelompok guru. Sebagaimana yang telah dilaporkan dalam Minit Mesyuarat Penyelarasan PPD Klang dan Sekolah Rendah Daerah Klang (2018) dan Utusan Online oleh Mohd Anwar Patho Rohma (2018), masalah etika keguruan kini dilihat semakin serius. Hal ini turut akan memberi kesan kepada prestasi guru. Faktor-faktor yang dikenalpasti berpunca dari masalah peribadi, kewangan dan iklim kerja yang tidak memberangsangkan.

Prestasi guru yang cemerlang berdasarkan instrumen PBPPP ini tidak dapat dicapai tanpa sokongan dan penglibatan menyeluruh pihak sekolah. Iklim sekolah yang berkesan membantu peningkatan prestasi guru agar ia selari dengan perancangan

Kementerian. Persekitaran sekolah yang kondusif dapat memberi keselesaan dan jaminan keselamatan bukan sahaja kepada murid-murid semasa sesi pembelajaran, namun turut memberi kesan terhadap guru semasa proses pengajaran (Boulifa & Kaaouachi, 2015). Sokongan pentadbir serta kerjasama daripada semua warga sekolah juga sangat penting dalam membina iklim sekolah yang baik (Abdul Said Ambotang, Tandra, & Andin, 2017).

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pembentukan iklim sekolah contohnya seperti corak kepimpinan sekolah, tingkah laku guru, persekitaran fizikal (Dutta & Sahney, 2016), matlamat kepada pencapaian murid, keselamatan (Kraft, Marinell, & Yee, 2015) dan proses penambahbaikan sekolah atau peningkatan gred sekolah (Thapa, Cohen, Guffey, & D'Alessandro, 2013). Lima dimensi berdasarkan skop instrumen PBPPP ditetapkan dengan turut mengambil kira tiga dimensi umum persekitaran Rudolf H. Moos (1981). Dimensi yang terlibat dalam kajian iklim sekolah ini adalah kolaboratif, perhubungan murid, sumber di sekolah, membuat keputusan, dan inovasi pengajaran. Dimensi-dimensi ini turut mengambil kira elemen yang terkandung di dalam instrumen PBPPP.

Jelaslah kajian berkaitan hubungan iklim sekolah terhadap prestasi guru ini harus dijalankan bagi mengenal pasti faktor yang meningkatkan tahap prestasi guru. Prestasi guru yang cemerlang bukan sahaja memberi peluang yang cerah di masa hadapan kepada guru, tetapi juga kepada murid-muridnya (Zbar, Marshall, & Power, 2007). Guru yang berkualiti ini akan menghasilkan murid yang berkualiti bukan sahaja dalam bidang intelek, tetapi juga emosi, jasmani, rohani dan sosial.



1.3 Penyataan Masalah

Dewasa ini, profesionalisme seseorang guru sering dipertikaikan dari segenap dimensi yang memperlihatkan persepsi buruk terhadap institusi pendidikan negara (Wan Muhamad Wan Junoh, 2018). Masalah pelanggaran etika perguruan di sekolah menyebabkan kompetensi guru turut terjejas (Iroegbu, 2015). Masalah ini berada pada tahap membimbangkan dan menunjukkan kerapuhan sistem pendidikan negara. Hal ini selari dengan laporan Minit Mesyuarat Penyelarasan PPD Klang & Sekolah Rendah Daerah Klang bertarikh 26 Jun 2018, menyatakan bahawa peningkatan kes tertinggi dalam kalangan guru dapat dibahagikan kepada empat isu iaitu masalah kehadiran lewat, membuli murid (mencederakan murid), gangguan seksual, dan masalah integriti.

Utusan Online bertarikh 28 Ogos 2018 turut melaporkan kajian yang dijalankan terhadap 48258 guru mendapati 4.4 peratus guru mengalami stres tahap sederhana tinggi. Faktor yang dikenal pasti adalah keluarga, kewangan, bebanan tugas, pentadbiran, tidak mendapat penghargaan, kekurangan kemahiran dalam menjalankan tugas, dan tidak dilatih menangani stres menjadi penyebab peningkatan jumlah stres tersebut. Hal ini jelas membuktikan lima daripada tujuh faktor yang dinyatakan berhubungan langsung dengan persekitaran tempat kerja guru. Dapat disimpulkan bahawa persekitaran seperti masalah kerja dengan rakan sejawat (kolaborasi), hubungan dengan murid, sumber kelengkapan di sekolah, peranan untuk membuat keputusan, dan kaedah pengajaran baharu yang inovatif memberi tekanan kepada guru sehingga menjejaskan kualiti kerja mereka.



Berdasarkan tinjauan literatur yang dijalankan, salah satu faktor yang dapat mempengaruhi prestasi seseorang guru adalah iklim sekolah (Lim & Eo, 2014; Nor Mohamad Zulhairi Ismail, Jamalul Lail Abdul Wahab, & Ruzita Md Hassan, 2016; Weathers, 2011; Yovitha, 2012). Iklim sekolah yang menggalakkan dapat meningkatkan keupayaan dan tanggungjawab guru. Kenyataan ini turut disokong oleh Aboyi (2018), Houck (2018), Muwahid Shulhan, (2017), Cook et al. (2016), Ocham dan Okoth (2015) yang menegaskan hubungan iklim sekolah turut mempengaruhi tingkah laku seseorang guru. Penekanan terhadap peranan iklim sekolah dalam pembentukan guru yang berkualiti sangat penting untuk meningkatkan kualiti sistem pendidikan. Hal ini kerana pembentukan iklim sekolah yang berkesan akan menggalakkan pembinaan guru berkualiti (Kraft, Marinell, & Yee, 2015). Penekanan faktor iklim sekolah dalam prestasi guru ini sebenarnya selaras dengan penemuan kajian-kajian lepas. Misalnya, komitmen dapat dibentuk melalui sokongan persekitaran di tempat kerja termasuklah perhubungan di tempat kerja (Gordon, 2018). Guru yang mempunyai komitmen tinggi mampu mempengaruhi prestasi kerja (Aman & Shukor, 2015). Aspek kolaboratif, hubungan murid, sumber kelengkapan sekolah, membuat keputusan serta inovasi pengajaran menjadi pemangkin kepada pembentukan iklim berkesan di sesebuah sekolah.

Hal ini harus dipandang serius kerana guru merupakan penggerak utama sistem pendidikan negara (Yusni Zaini Yusof, Rosna Awang Hashim, & Tengku Faekah Tengku Ariffin, 2015). Dalam menghadapi perkembangan pesat sistem pendidikan negara selari dengan perkembangan globalisasi, guru yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi amat diperlukan. Standard Guru Malaysia (SGM) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggariskan

kompetensi profesional yang sepatutnya dicapai oleh guru. Agensi dan institusi latihan perguruan perlu menyediakan dan melaksanakan keperluan yang sepatutnya bagi membantu guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan. Terdapat tiga standard yang ditekankan dalam SGM iaitu amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Ketiga-tiga standard ini perlu dikuasai oleh seseorang yang bergelar guru (SGM, 2009).

Secara umumnya, prestasi guru perlu diberi perhatian untuk mengukur kesediaan guru menghadapi cabaran sistem pendidikan abad ke-21. Guru berkualiti terletak pada keupayaannya menggunakan ilmu pengetahuan untuk membentuk sikap dan nilai murid yang betul (Aman & Shukor, 2015). Pembangunan profesionalisme guru penting untuk menjulang standard pendidikan di Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Maka, usaha meningkatkan aras kompetensi guru amat penting untuk memastikan guru berprestasi rendah mencapai tahap kompetensi minimum 88%. Pembinaan guru yang berkualiti melalui iklim sekolah yang positif memberi kaedah penyesuaian kepada pihak kementerian untuk melihat faktor-faktor yang menjadi keutamaan pembentukan iklim sekolah yang menjurus kepada prestasi cemerlang (Abdul Said Ambotang, Tandra, & Andin, 2017). Faktor persekitaran mampu mempengaruhi kredibiliti guru sehingga mengganggu prestasi kerja mereka (Lim & Eo, 2014). Pembinaan iklim sekolah berkesan terbukti berupaya menjadi pemangkin kepada kecemerlangan sesebuah sekolah (Muhamad Suhaimi Taat et al., 2012) yang turut mempengaruhi prestasi guru.

Faktor yang mempengaruhi pembentukan gerak kerja guru adalah dengan adanya persekitaran yang membantu (Fei & Han, 2017) dan sokongan daripada pihak pengurusan (Hong & Aziah Ismail, 2015). Persekitaran sekolah memainkan peranan yang penting untuk membentuk guru yang berkualiti. Indikator sebuah pasukan kerja yang cemerlang dibentuk melalui sikap saling membantu menyelesaikan masalah, saling berkongsi pengetahuan dan pengalaman serta saling menghormati antara satu sama lain.

Kajian iklim sekolah yang dikaitkan dengan guru banyak dijalankan, namun masih kurang kajian berkaitan iklim sekolah dan prestasi guru dikaji di negeri Selangor terutamanya terhadap guru sekolah rendah. Kajian-kajian lepas berkaitan iklim sekolah terhadap prestasi banyak dijalankan di institut latihan guru (Zulelawati Bujang & Yusni Zaini Yusof, 2015), di kolej-kolej vokasional (Tem, 2013), dan terhadap staf sokongan (Aman & Shukor, 2015). Selain itu, kajian-kajian lepas lebih menumpukan hubungan iklim sekolah terhadap pembolehubah bersandar stres guru (Duncan, 2017; Mohd Faizul Mohd Noor, Mohd Saifulkhair Omar, & Fauzi Hussin, 2016), motivasi guru (Fei & Han, 2017; Zhang, 2016; Yovitha, 2012; Ahmad Zabidi Abdul Razak, 2006), dan komitmen (Ngang & Raja Hussin, 2015; Ramli, 2016; Suhaili Mohd Yusoff & Khaliza Saidin, 2016).

Justeru, kajian ini wajar dijalankan untuk mengisi jurang kajian lepas dengan melihat hubungan antara dimensi-dimensi iklim sekolah terhadap prestasi guru. Prestasi guru menunjukkan kredibiliti seseorang guru bukan sahaja dilihat dari persepsi guru itu sendiri, tetapi juga diukur dari perspektif pentadbir dan jawatankuasa penilai. Kajian ini diharapkan dapat memberi sumbangan terhadap pihak-pihak pendidikan dan pihak

berkepentingan dalam meningkatkan mutu sistem pendidikan negara sejajar dengan konsep naratif baharu pendidikan negara yang menggalakkan iklim sekolah yang kondusif agar dapat meningkatkan kredibiliti guru.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini bertujuan untuk menentukan hubungan antara dimensi-dimensi iklim sekolah yang terdiri daripada kolaborasi, hubungan murid, sumber kelengkapan sekolah, membuat keputusan dan inovasi pengajaran dengan prestasi guru sekolah rendah di negeri Selangor.

Objektif khusus kajian adalah seperti berikut:

1. Mengetahui tahap iklim sekolah rendah di negeri Selangor.
2. Mengetahui tahap prestasi guru sekolah rendah di negeri Selangor.
3. Mengetahui hubungan antara dimensi-dimensi iklim sekolah dengan prestasi guru sekolah rendah di negeri Selangor.
 - a. Mengetahui hubungan antara dimensi kolaborasi dengan prestasi guru sekolah rendah di negeri Selangor.
 - b. Mengetahui hubungan antara dimensi hubungan murid dengan prestasi guru sekolah rendah di negeri Selangor.
 - c. Mengetahui hubungan antara dimensi sumber kelengkapan sekolah dengan prestasi guru sekolah rendah di negeri Selangor.

- d. Mengenal pasti hubungan antara dimensi membuat keputusan dengan prestasi guru sekolah rendah di negeri Selangor.
 - e. Mengenal pasti hubungan antara dimensi inovasi pengajaran dengan prestasi guru sekolah rendah di negeri Selangor.
4. Mengenal pasti jumlah sumbangan iklim sekolah terhadap prestasi guru sekolah rendah di negeri Selangor.

1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang cuba dijawab melalui kajian ini ialah:

- 1. Apakah tahap iklim sekolah rendah di negeri Selangor?
- 2. Apakah tahap prestasi guru sekolah rendah di negeri Selangor?
- 3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi-dimensi iklim sekolah dengan prestasi guru sekolah rendah di negeri Selangor?
 - a. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi kolaborasi dengan prestasi guru sekolah rendah di negeri Selangor?
 - b. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi hubungan murid dengan prestasi guru sekolah rendah di negeri Selangor?
 - c. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi sumber kelengkapan sekolah dengan prestasi guru sekolah rendah di negeri Selangor?

- d. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi membuat keputusan dengan prestasi guru sekolah rendah di negeri Selangor?
 - e. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi inovasi pengajaran dengan prestasi guru sekolah rendah di negeri Selangor?
4. Berapakah jumlah sumbangan iklim sekolah terhadap prestasi guru sekolah rendah di negeri Selangor?

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini hanya melibatkan persoalan ketiga sahaja iaitu mengenal pasti hubungan antara dimensi-dimensi iklim sekolah dengan prestasi guru. Berikut merupakan hipotesis kajian:

H₁: Terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi kolaborasi dengan prestasi guru sekolah rendah di negeri Selangor.

H₂: Terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi hubungan murid dengan prestasi guru sekolah rendah di negeri Selangor.

H₃: Terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi sumber kelengkapan sekolah dengan prestasi guru sekolah rendah di negeri Selangor.


H₄: Terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi membuat keputusan dengan prestasi guru sekolah rendah di negeri Selangor.

H₅: Terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi inovasi pengajaran dengan prestasi guru sekolah rendah di negeri Selangor.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual bagi kajian ini melibatkan dimensi yang terkandung di dalam iklim sekolah. Iklim sekolah sebagai pembolehubah tidak bersandar, dan prestasi guru sebagai pembolehubah bersandar.

Kerangka konsep kajian dibina dengan mengambil kira hasil kajian lalu dengan melakukan penyesuaian agar mampu menghasilkan maklumat yang relevan dengan sistem pendidikan di Malaysia. Berdasarkan kerangka konseptual tersebut, pengkaji menggunakan dua jenis pembolehubah. Pembolehubah tidak bersandar adalah iklim sekolah yang mengandungi lima dimensi iaitu kolaborasi, hubungan murid, sumber kelengkapan sekolah, membuat keputusan dan inovasi pengajaran. Pembolehubah bersandar pula adalah prestasi guru. Hubung kait dimensi-dimensi iklim sekolah dan prestasi guru ditunjukkan dalam rajah berikut.



Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian



Dimensi-dimensi ini dipilih berdasarkan perspektif kerja guru dan disesuaikan dengan keperluan iklim dalam pembentukan prestasi guru yang cemerlang. Berdasarkan komponen generik, dimensi yang dapat diwakili dari komponen ini adalah dimensi kolaboratif dan membuat keputusan. Manakala dimensi hubungan murid, sumber kelengkapan sekolah dan inovasi pengajaran mewakili komponen fungsional.

Selain mewakili pembolehubah iklim sekolah dari sudut guru sebagai seorang pekerja di institusi pendidikan, dimensi ini juga dikenalpasti memberi kesan kepada pembolehubah prestasi guru. Prestasi guru diukur berdasarkan penilaian PBPPP guru oleh Pegawai Penilai yang terdiri dari kalangan pentadbir sekolah. Selain itu, kajian ini juga melihat sumbangan dimensi iklim sekolah terhadap prestasi guru.



dan Teori Ekuiti Adams (1965). Teori Ekologi yang dipelopori oleh Urie Bronfenbrenner ini memperlihatkan perkembangan individu yang dipengaruhi oleh persekitaran. Dalam konteks ini, interaksi individu dengan persekitaran dipercayai boleh mempengaruhi proses pertumbuhan dan perkembangan seseorang. Teori Ekuiti Adams pula mengemukakan teori motivasi yang mengandungi dua elemen asas yang mengaitkan antara pekerja dan majikan iaitu input dan output. Teori-teori ini akan diterangkan dengan lebih lanjut dalam Bab 2.



1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara dimensi-dimensi iklim sekolah dan prestasi guru sekolah rendah di Selangor. Dapatan daripada kajian ini penting kerana diharapkan dapat menghasilkan penjelasan kepada persoalan-persoalan kajian yang membolehkan beberapa tindakan susulan dilaksanakan. Dapatan yang diperoleh melalui kajian ini dapat membantu pelbagai pihak terutamanya pihak-pihak yang bersama-sama membantu sistem pendidikan ke arah kecemerlangan.

1.9.1 Kepentingan kepada Guru

Berdasarkan kajian ini, guru mengetahui dimensi iklim sekolah yang mempunyai hubungan signifikan terhadap prestasi mereka sekaligus membolehkan guru meningkatkan prestasi ke tahap yang lebih cemerlang. Selain itu, pembentukan iklim sekolah yang kondusif meningkatkan motivasi guru untuk bekerja dengan lebih efektif.

1.9.2 Kepentingan kepada Pihak Pengurusan Sekolah

Pihak pentadbiran juga dapat menggunakan dapatan yang diperoleh melalui kajian ini untuk membentuk iklim sekolah yang lebih berkesan. Persepsi guru berdasarkan iklim sekolah ini dapat menyedarkan pihak pengurusan tentang aspek yang perlu diambil perhatian bagi meningkatkan prestasi kerja guru. Pihak sekolah juga dapat menjalankan program peningkatan suasana kerja yang kondusif melalui program Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP). Aktiviti Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB)

turut dapat dirancang dan dilaksanakan bagi pembangunan sumber manusia dalam mewujudkan organisasi berkesan.

Dapatan kajian ini juga dapat digunakan untuk membantu pihak pengurusan dan pentadbiran sekolah bagi menilai dan mempengaruhi amalan pengurusan dan hubungan mereka dalam merealisasikan konsep pengurusan ke arah iklim sekolah yang lebih baik dan berkesan. Berpandukan hasil kajian ini, pihak pengurusan dapat menilai dimensi yang perlu diberi penekanan bagi membentuk iklim sekolah yang positif seterusnya peningkatan prestasi guru. Persepsi guru terhadap iklim sekolah yang baik mampu meningkatkan dedikasi sendiri guru dan kepuasan bekerja mereka (Aldridge & Fraser, 2016).

1.9.3 Kepentingan kepada PPD dan JPN

Dapatan ini dapat digunakan pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dalam mengkaji semula persekitaran tempat kerja yang kondusif untuk gerak kerja guru yang produktif. Berdasarkan tahap iklim sekolah ini juga, pihak PPD dapat merangka Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP) yang lebih efektif terhadap pembentukan iklim sekolah yang berkesan seterusnya memberi pengaruh terhadap prestasi guru. Modul atau latihan berterusan juga boleh dirangka bagi membantu guru meningkatkan prestasi mereka. Kajian ini juga dapat membantu pihak JPN mengenal pasti corak iklim sekolah dan hubungannya dengan prestasi guru di Selangor. Pihak JPN juga dapat meneliti aspek yang kurang diberi perhatian dalam iklim sekolah dari skop sekolah kebangsaan di negeri Selangor.



1.9.4 Kepentingan kepada KPM

Prestasi guru berdasarkan kajian ini mempamerkan tahap kompetensi dan potensi guru yang membolehkan pihak KPM merangka Program Pembangunan Profesional Berterusan (PPPB) atau *Continuous Professional Development* (CPD). Skor penilaian juga akan digunakan bagi menentukan peningkatan gaji tahunan, memohon kelulusan untuk melanjutkan pengajian, mengenal pasti pegawai untuk Dasar Pemisah, kenaikan pangkat dan laluan kerjaya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

Perancangan dan bimbingan yang membantu sekolah dalam mewujudkan dimensi iklim sekolah yang berpengaruh diberi perhatian dalam usaha meningkatkan prestasi guru. Kajian ini juga dapat mempamerkan betapa pentingnya persekitaran sekolah dalam membentuk guru yang berkualiti kepada pihak KPM. Aktiviti PPPB yang dirancang KPM bagi keperluan dasar dan keperluan khusus bertujuan menyebarkan dasar-dasar baharu dapat dilakukan. Pihak KPM dapat berkolaborasi dengan pihak lain dalam menyediakan keperluan iklim sekolah yang berkesan. Maka, pihak KPM dapat membentuk program dalam mewujudkan iklim sekolah yang kondusif sehingga memberi kesan kepada kualiti guru.

1.9.5 Kepentingan Pihak Lain

Pihak ibu bapa dapat mengetahui faktor yang menjurus kepada iklim sekolah positif dalam usahasama membantu pihak sekolah mencapai suasana belajar yang baik bagi meningkatkan prestasi anak mereka. Iklim sekolah yang positif dapat dibentuk dengan bantuan dan kerjasama ibu bapa melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB), dan Sarana Ibu Bapa. Dapatan kajian ini turut



membantu para pengkaji dan penganalisis mengetahui dimensi iklim sekolah yang paling memberi pengaruh terhadap prestasi guru di negeri Selangor. Selain itu, para penganalisis dapat mengenal pasti faktor terbesar yang menyumbang kepada tahap iklim sekolah yang positif. Kajian ini turut membantu pembuat polisi membuat keputusan terhadap pembentukan iklim sekolah yang berkesan. Dapatan ini juga membantu pihak IPG untuk menerapkan elemen-elemen pembentukan iklim sekolah yang positif kepada guru pelatih agar mereka dapat melahirkan guru yang kreatif membentuk iklim sekolah yang positif.

Justeru, hasil kajian ini membolehkan pelbagai pihak seperti guru, pihak pentadbir sekolah, pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) sehinggalah pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menggunakan dapatan ini sebagai rujukan bagi meningkatkan kualiti sistem pendidikan.

Ianya diharapkan dapat memberi penjelasan kepada pihak pengurusan pendidikan selari dengan misi KPM untuk membangunkan sistem pendidikan berkualiti yang bertaraf dunia. Hal ini penting demi memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara dengan menghasilkan guru yang berkualiti. Pembinaan guru yang berkualiti wajar dibangunkan demi mempertingkatkan potensi individu menjadi modal insan seterusnya memenuhi aspirasi negara.

1.10 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan kajian yang menghadkan kajian ini untuk digeneralisasikan kepada populasi guru. Batasan pertama adalah dapatan kajian ini tidak dapat digunakan bagi kesemua guru di Malaysia. Guru yang dikaji adalah guru sekolah rendah di negeri



Selangor. Responden yang dipilih terdiri daripada pelbagai kategori, jawatan dan latar belakang. Pengukuran terhadap iklim sekolah dalam kajian ini adalah berdasarkan perspektif guru akademik di sekolah rendah negeri Selangor sahaja. Maka, kajian ini tidak dapat digeneralisasikan terhadap persekitaran guru sekolah menengah dan sekolah di negeri lain.

Selain itu, kajian ini juga merupakan kajian jangka masa pendek atau kajian keratan rentas iaitu kurang daripada setahun. Kajian keratan rentas adalah kajian yang dijalankan pada satu titik masa tertentu melibatkan pemerhatian terhadap semua populasi atau ahli dalam populasi tertentu (Fauzi Hussin, Jamal Ali, & Mohd Saifoul Zamzuri Noor, 2014). Kajian ini tidak dapat melihat rekod berkaitan tahap iklim sekolah pada masa lalu kerana di luar kerangka kajian ini. Corak dan pola iklim sekolah juga tidak dapat dikenal pasti kerana kajian ini menggunakan kajian jangka masa yang pendek sahaja.

Iklim sekolah mempunyai pelbagai dimensi yang berkaitan, namun kajian ini hanya menggunakan lima dimensi iklim sekolah berdasarkan Skala Persekitaran Tempat Kerja Moos. Dimensi yang terlibat ialah dimensi kolaborasi, dimensi hubungan murid, dimensi sumber kelengkapan sekolah, dimensi membuat keputusan, dan dimensi inovasi pengajaran. Maka, kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada pelbagai iklim persekitaran tempat kerja kerana terdapat pelbagai faktor lain yang mampu mempengaruhi iklim tersebut.



Kajian kaedah tinjauan ini menggunakan soal selidik yang dijalankan secara atas talian. Terdapat dua bahagian dalam soal selidik ini. Bahagian A adalah soalan demografi termasuklah markah prestasi tahunan guru. Manakala Bahagian B merupakan soal selidik tentang iklim sekolah dengan skala Likert. Responden menjawab soal selidik berdasarkan kefahaman mereka tanpa berkesempatan untuk menanyakan kehendak soalan item tersebut. Selain itu, kajian ini terbatas kepada responden yang berpeluang mendapat pautan soal selidik melalui edaran atas talian. Maklumat yang diberikan responden berkemungkinan juga tidak jujur dan tidak tepat. Bagi mengatasi masalah ini, pengkaji telah menyatakan arahan dan kehendak kajian secara terperinci di halaman hadapan soal selidik.

Batasan terakhir adalah sistem penilaian prestasi guru. Prestasi guru yang diukur oleh pentadbir sekolah berkemungkinan berhadapan dengan masalah bias, kesan halo dan juga masalah sistem atas talian. Sistem pemarkahan diberi oleh Pegawai Penilai (PP) secara atas talian ini tidak dapat dikawal dan berkemungkinan mengalami penggodaman. Pihak kementerian turut mengawal sistem e-prestasi yang mengambil kira pengalaman guru dalam pemberian markah. Perkara luar kawalan ini menjadi batasan kajian ini. Bahan cetak dikumpul sebagai bukti bagi mengatasi masalah ini.

1.11 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, iklim sekolah didefinisikan sebagai iklim sekolah yang mempunyai lima dimensi seperti yang dicadangkan oleh Moos (1973). Prestasi guru melihat kepada markah prestasi guru daripada Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP).



1.11.1 Iklim Sekolah

Iklim sekolah menurut *American Institute for Research* (2018) merujuk kepada budaya dan karakter kehidupan di sekolah. Iklim berbeza antara sebuah sekolah dengan sebuah sekolah yang lain berdasarkan sifat-sifat yang berlaku di dalamnya. Sifat ini adalah hasil interaksi dan gaya perhubungan warga sekolah, hubungan guru pentadbir, guru dengan guru, guru dengan murid, pentadbir dengan pentadbir, dan murid dengan murid (Ibrahim Mamat, 1998). Ini bermakna iklim sekolah merupakan perkara yang dilalui, dialami, dirasakan dan dihayati oleh setiap warga sekolah yang melibatkan faktor dalaman. Setiap tindakan dan keputusan yang dijalankan memberi gambaran ciri-ciri iklim sesebuah sekolah tersebut. Berdasarkan kajian-kajian lepas, iklim sekolah mempunyai pelbagai definisi bergantung kepada kajian yang dijalankan. Dari segi definisi operasional kajian ini pula, iklim sekolah merupakan jumlah skor yang diperoleh dalam item-item yang terkandung dalam dimensi iklim sekolah iaitu dimensi kolaborasi, hubungan murid, sumber kelengkapan sekolah, membuat keputusan, dan inovasi pengajaran.

1.11.1.1 Kolaborasi

Kolaborasi ditakrifkan sebagai dorongan, nasihat dan bantuan oleh orang lain agar mereka diterima dalam sesuatu kelompok (Szczesiul & Huizenga, 2015). Dari segi operasional, kolaborasi adalah kerjasama antara guru-guru dalam menentukan sesuatu tindakan di sekolah. Dimensi ini turut mengenal pasti sifat dan intensiti hubungan peribadi di dalam persekitaran sekolah dan meneliti sejauh mana guru terlibat bersama-sama bagi menyokong dan membantu antara satu sama lain.



1.11.1.2 Hubungan Murid

Hubungan murid ditakrifkan sebagai perhubungan yang cakna antara guru dan murid. Murid berkelakuan dengan cara berdisiplin dan bertanggungjawab berdasarkan persepsi guru (Espelage, Polanin, & Low, 2014). Dari segi operasional, hubungan murid menilai gambaran guru terhadap sikap murid dan menilai keprihatinan guru terhadap murid-muridnya. Adejumobi dan Ojikutu (2013) dalam Rosnah Ishak dan Rusman (2018), mengatakan bahawa prestasi kerja guru dinilai berdasarkan penyertaan murid dalam aspek sosial di sekolah terutamanya semasa PdPc.

1.11.1.3 Sumber Kelengkapan Sekolah

Sumber kelengkapan sekolah membawa maksud sesebuah sekolah yang mempunyai kawasan sekolah yang kondusif, cukup ruangan dan alatan belajar dan mengajar. Ini bermakna, murid-murid dan guru-guru dapat menggunakan peralatan dan kemudahan di sekolah yang disediakan dengan maksimum dan selesa (Muhamad Suhaimi Taat et al., 2012). Dari segi definisi operasional, sumber kelengkapan sekolah merupakan sokongan yang diberikan oleh kakitangan sekolah melalui kemudahan pengajaran, kewangan, peralatan dan sumber yang bersesuaian dan mencukupi bagi menjalankan kerja-kerja di sekolah.

1.11.1.4 Membuat Keputusan

Membuat keputusan merujuk kepada kuasa yang diturunkan kepada guru dalam mengambil tindakan dan membuat sebarang keputusan di sekolah (Norashikin Abu



Bakar, Ramli Basri, & Fooi 2015). Dari segi operasional, membuat keputusan adalah peluang yang diberikan kepada guru untuk mengambil bahagian dalam membuat keputusan. Guru diberi peluang mengambil bahagian dalam penetapan keputusan mengenai program dan aktiviti di sekolah.

1.11.1.5 Inovasi Pengajaran

Inovasi pengajaran dapat ditakrifkan sebagai pelaksanaan perubahan yang dirancang dan membuat uji kaji dalam pengajarannya (Messmann & Mulder, 2015). Dari segi definisi operasional, guru mencuba sesuatu pengajaran yang baharu diperkenalkan dalam sistem pendidikan agar bersesuaian dengan tahap dan minat murid. Abdul Rahim Abdul Rashid (2007) menyatakan dalam Halimatus Saadiah Mat Saad, Baharom Mohamad, dan Sharifah Hayyati Syed Ismail (2013), sumber manusia yang berintegriti bergantung kepada prestasi tenaga manusia itu sendiri seperti berpendidikan, mempunyai kemahiran, mudah menerima perubahan, berinovasi, rajin, dedikasi serta dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab bagi menjayakan wawasan organisasi.

1.11.2 Guru

Secara konsepnya, guru merujuk kepada individu yang ditugaskan mengajar di peringkat sekolah sama ada prasekolah, sekolah rendah serta sekolah menengah. Seseorang guru perlu memiliki sijil kelayakan mengajar atau kelayakan ikhtisas daripada institusi yang berkelayakan seperti maktab perguruan, Institusi Pendidikan Guru (IPG) atau universiti-universiti yang menawarkan kursus pendidikan. Kerjaya profesional ini memerlukan latihan khusus atau kelayakan formal. Guru yang



berkhidmat di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah dirujuk dengan gelaran jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) dalam sektor perkhidmatan awam negara (Azizi Ahmad, 2017).

Dari segi operasional, guru merujuk kepada individu yang bekerja di sesebuah institusi pendidikan awal dan lebih dikenali sebagai sekolah rendah. Guru sekolah rendah adalah mereka yang mengajar murid bermula tahun satu hingga tahun enam. Sesetengah institusi sekolah rendah menawarkan prasarana prasekolah yang menempatkan murid-murid yang berumur lima dan enam tahun. Selain pra sekolah, terdapat juga Program Pendidikan Khas Inklusif (PPKI) ditempatkan di sekolah-sekolah yang terpilih.

Kajian ini dijalankan terhadap guru sekolah rendah di negeri Selangor. Kajian ini dijalankan di sekolah rendah yang merangkumi sekolah rendah kebangsaan dan sekolah rendah jenis kebangsaan. Terdapat tiga jenis sekolah yang tergolong dalam istilah sekolah rendah bagi kajian ini iaitu Sekolah Kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). Guru di ketiga-tiga jenis sekolah ini menggunakan PBPPP sebagai instrumen penilaian prestasi kerja mereka.

Ini bermakna, guru yang terlibat dalam kajian ini termasuklah guru akademik, guru penolong agama dan J-QAF, guru prasekolah, guru Program Pendidikan Khas Inklusif (PPKI). Semua pengajar yang mempunyai ikhtisas pendidikan digelar guru. Kesimpulannya, guru dalam kajian ini merujuk kepada pengajar yang mempunyai ikhtisas pendidikan di sekolah rendah.



1.11.3 Prestasi Guru

Prestasi guru boleh didefinisikan sebagai keberkesanan sesuatu tingkah laku yang berkaitan dengan tugas sesuatu pekerjaan yang diukur berdasarkan pencapaian beberapa kriteria (Rosnah Ishak & Siti Nur Fatiha Rusman, 2018). Prestasi merupakan penilaian yang merangkumi tiga aspek iaitu penghasilan kerja, pengetahuan serta kemahiran dan kualiti peribadi guru (Hazalizah Hamzah, Arifin Hj Zainal, & Asmawati Desa, 2015). Dari segi operasional, prestasi guru disoal dalam soal selidik Bahagian A. Soalan dikemukakan dalam bentuk soalan terbuka yang membolehkan responden mengisi markah sebenar mereka. Tahap prestasi diukur berpandukan tahap yang telah ditetapkan oleh PBPPP berdasarkan borang keberhasilan Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) guru berdasarkan surat pekeliling 2011.



1.12 Rumusan

Di sebalik matlamat untuk mencapai prestasi yang cemerlang, dapatan kajian lepas mendapati guru mengalami suasana kerja yang tertekan berpunca daripada faktor persekitaran sehingga memberi kesan kepada prestasi kerja mereka. Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan antara dimensi-dimensi iklim sekolah terhadap prestasi guru sekolah rendah di negeri Selangor. Terdapat empat objektif utama dalam kajian ini. Kajian ini diharapkan dapat memberi impak kepada pihak yang berkaitan bagi meningkatkan prestasi guru yang merupakan tunjang sistem pendidikan negara. Justeru, pembentukan iklim sekolah yang kondusif penting bagi melahirkan guru berkompentensi tinggi dalam sistem pendidikan negara seterusnya membentuk murid-murid yang berkualiti selaras dengan hasrat kerajaan.

